



Perkhidmatan muzium

LEMBARAN FAKTA

Perkhidmatan WA Museum di Wilayah Lautan Hindi

WA Museum menawarkan perkhidmatan berikut bagi pihak Kerajaan Australia:

- maklumat dan nasihat tentang perancangan, pembangunan, pengurusan dan pengendalian muzium sebagai aset komuniti;
- akses kepada bidang pengkhususan iaitu pengurusan, pemuliharaan dan interpretasi koleksi;
- nasihat tentang menyediakan program multimedia interaktif dan dalam talian;
- membantu pelbagai kumpulan komuniti Wilayah untuk memohon geran dan aktiviti lain berkaitan dengan urusan muzium;
- membantu pelbagai kumpulan komuniti Wilayah menyertai program dan perkhidmatan latihan dan bimbingan sektor; dan
- menjalankan penyelidikan maklumat khalayak dengan mengenakan bayaran.

Apakah ertinya bagi saya?

Perkhidmatan yang disediakan WA Museum membawa manfaat kemasyarakatan untuk penduduk dan perniagaan Wilayah, dengan membantu memelihara dan mentafsirkan memori budaya serta sejarah semula jadi Wilayah.

Setelah penilaian sejarah semula jadi dan sosial Wilayah, pelbagai kumpulan komuniti boleh membawakan usul, dengan nasihat dan sokongan WA Museum, untuk mempromosikan Wilayah ini kepada khalayak yang lebih luas melalui multimedia. Usaha ini boleh meningkatkan kadar pelancongan dan pelawat ke Wilayah.



Ketahui semua yang ditawarkan oleh WA Museum dengan melayari

www.museum.wa.gov.au

Untuk mendapatkan penerangan lanjut

| Cara menghubungi | Butir-butir hubungan |
|------------------|--|
| Telefon | 08 6552 7800 atau 1300 134 081 |
| E-mel | reception@museum.wa.gov.au |
| Laman web | www.museum.wa.gov.au |